Malaysia, Timor Leste tandatangani MoU

UM 21 OCT 2003

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

DILI (Timor Leste) 20 Okt. — Malaysia dan Timor Leste sepakat untuk mengukuhkan hubungan dua hala dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama ekonomi, teknikal, saintifik dan perjanjian kebudayaan.

MoU akan ditandatangani oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Dr. Mari Alkatiri pada hari kedua lawatan Dr. Mahathir ke Timor Leste dari 22 hingga 24 Oktober ini.

MoU itu penting sebagai platform untuk Malaysia dan Timor Leste yang mendapat kemerdekaan pada tahun lalu berbincang dan menyelesaikan pelbagai perkara bagi kepentingan bersama.

Dr. Mahathir juga dijadual menyampaikan sumbangan 32 buah trak kepada pasukan tentera Timor Leste. Kesemua trak itu diangkut ke Timor Leste menggunakan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Mahawangsa dan KD Sri Indera Sakti.

Lawatan Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Majlis

Pada hari pertama lawatan, Dr. Mahathir yang dijadual tiba di sini pada petang Rabu akan bersama-sama dengan rakyat Malaysia yang tinggal di negara ini untuk majlis makan malam.

Lebih 200 rakyat Malaysia tinggal di Timor Leste sama ada bertugas sebagai anggota polis dan tentera untuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), ahli perniagaan dan pekerja.

Dr. Mahathir juga dijadual menyampaikan ucapan di Parlimen Timor Leste sebelum membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Xanana Gusmao.

Selain itu, Perdana Menteri dijadual melakukan pecah tanah kompleks Kedutaan Malaysia yang berkeluasan 12,000 meter persegi di Jalan Pantai Kelapa di sini.

Pada masa sama Dr. Mahathir diberi penghormatan untuk menamakan sebatang jalan di kawasan kompleks berkenaan dengan nama Malaysia.

Dr. Mahathir juga dijadual memberi ucapan pada majlis makan tengah hari dan dialog perniagaan dengan ahli-ahli perniagaan kedua-dua buah negara.

Lawatan Dr. Mahathir mencatat sejarah sendiri bagi Timor Leste yang pertama kali menerima tetamu ketua kerajaan selepas mencapai kemerdekaan. Selepas Timor Leste, Perdana Menteri akan ke Papua New Guinea. — *Utusan*